

Barah kelenjar prostat

Metro 31/7/2011 MS4

>>Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD

hidayatulakmal@hmetro.com.my

AMARAN kepada golongan lelaki — tahukah anda barah prostat adalah barah kedua paling banyak dijangkiti kaum Adam di seluruh dunia? Pun begitu, masih ramai tidak ambil tahu dan sedar mengeniannya.

Sehubungan itu, Persatuan Urologi Malaysia (MUA) mengumumkan satu kajian epidemiologi 'cross-sectional' bagi mengenal pasti kelaziman benign prostatic hyperplasia (BPH) dan mengesan barah prostat pelbagai peringkat umur dan kumpulan etnik di Malaysia.

Kajian itu dilancarkan bagi tujuan umum kelaziman BPH dan pengesanan barah prostat di kalangan kumpulan sasaran dalam masyarakat, terutamanya di Lembah Klang, Perak Selatan, Pahang Barat dan Negeri Sembilan Utara.

+ Ketua Perkhidmatan Uro-



DR ROHAN... barah prostat boleh dielak.

logi dan Ketua Jabatan Urologi Hospital Selayang, Datuk Dr Rohan Malek berkata, BPH ialah keadaan pembesaran kelenjar prostat dan bukan barah yang biasanya terjadi di kalangan lelaki berumur lebih 50 tahun.

"Kelaziman BPH adalah lebih 50 peratus di kalangan lelaki berumur 60 tahun sementara bagi lelaki berusia 85 tahun ke atas, kelaziman BPH lebih 90 peratus. BPH juga mewujudkan gejala urinari yang mengganggu serta menjejaskan gaya hidup dan



PROF AZAD... jalani pemeriksaan awal.

corak tidur pesakit. "Walaupun BPH bukan penyakit barah, beberapa kerumitan mungkin timbul disebabkan ia penyakit progresif. Jika tidak dirawat, wujud risiko pembedahan berkaitanya atau kerosakan buah pinggang," katanya ketika ditemui di Akademi Perubatan Malaysia, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kajian mengenai kelaziman BPH dan pengesanan barah prostat akan menganalisa data yang diperolehi dari lapan pusat pemeriksaan



DR SELVALINGAM... perlu peka kesihatan.


di sekitar Lembah Klang. MUA berharap mendapatkan 3,000 peserta daripada dua latar belakang kota dan luar bandar selain kumpulan etnik berbeza bagi kajian ini.

Memandangkan kelaziman penyakit prostat lebih tinggi bagi golongan lelaki tua, kajian itu akan lebih tertumpu kepada lelaki berusia 50 tahun ke atas.


Mereka yang menepati profil kelayakan digalakkan mengunjungi pusat pemeriksaan berdekatan kediaman

Barah kelenjar prostat

FAKTA GRAFIK



Prostat normal



Prostat kanser

Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Brigadier Jeneral Datuk Dr Selvalingam Sothilingam.

Beliau berkata, pencegahan dan pengesanan BPH serta barah prostat peringkat awal penting bagi mengelak

- kencing
5. Sakit sewaktu buang air kecil
 6. Sukar mengawal rasa buang air kecil
 7. Sering berasa sakit di pelvis, saraf tunjang, pinggang dan tulang dada

mereka. Pemeriksaan percuma dijalankan setiap hujung minggu pada bulan ini di Hospital Selayang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Hospital Serdang, Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM), Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Sungai Buloh.

Sementara itu, Presiden MUA dan Ketua Unit PPUM, Prof Azad Hassan Abdul Razack berkata, sudah banyak perbincangan mengenai pemeriksaan barah prostat diadakan secara besar-besaran.

“Protokol pemeriksaan seumpama ini diharap dapat membantu mengatasi isu keberkesanan kos bagi menjalankan pemeriksaan secara besar-besaran di Malaysia yang berkemungkinan ada potensi membantu untuk lebih memahami sifat barah prostat di kalangan lelaki di negara ini,” katanya.

Lazimnya barah ini membesar secara perlahan. Kajian bedah siasat menunjukkan ramai lelaki berumur (ada juga lelaki muda) yang mati akibat penyakit lain juga menghadapi barah prostat yang tidak pernah mendedahkan masalah ketika hayat mereka.

“Kami menggesa lelaki warga Malaysia berusia 50 tahun ke atas mengambil bahagian dalam pemeriksaan ini,” kata Ketua Unit Urologi

kerumitan pada masa depan di samping mengurangkan inflasi kos penjagaan kesihatan besar akibat masalah kesihatan.

SOALAN BIASA

● Apa itu kanser prostat?

Kanser prostat adalah pertumbuhan sel tidak normal dalam kelenjar prostat, manakala prostat ialah kelenjar yang mengelilingi uretra dan terletak di bawah pundi kencing lelaki yang juga dikenali sebagai karsinoma prostatik.

● Bagaimana kanser prostat terbentuk?

Kanser prostat berlaku apabila sesetengah sel di kelenjar prostat melalui perubahan tertentu di luar kawalan. Ia mula membiak, membesar dan merebak dalam keadaan tidak terkawal yang kemudian ke bahagian badan lain, terutama tulang dan organ tertentu.

● Apakah penyebab kanser prostat?

Penyebab kanser prostat masih tidak diketahui hingga kini, tetapi sesetengah pengkaji percaya kanser ini disebabkan hormon lelaki, terutama hormon testosteron. Hormon ini bertindak mempercepat pembentukan kanser prostat.

● Apakah simptom kanser ini?

1. Kerap buang air kecil
2. Aliran kencing lemah
3. Mati pucuk
4. Ada darah dalam air

● Faktor risiko?

1. Sejarah keluarga
2. Pemakanan
3. Peningkatan usia
4. Pendedahan kepada bahan tertentu seperti kadmium, getah dan logam
5. Penduduk Amerika dan Eropah mempunyai risiko lebih tinggi mendapat kanser ini berbanding Asia

● Rawatan

1. Pembedahan dikenali sebagai prostatektomi yang biasa dijalankan bagi membuang bahan tersumbat pada uretra

2. Radioterapi bagi memusnahkan sel kanser pada peringkat awal kanser prostat. Kesan daripada rawatan ini pesakit mungkin mengalami mati pucuk, gangguan pembuangan air kecil, dan saluran uretra menjadi sempit

Senarai tarikh dan hospital yang menjalankan pemeriksaan kanser prostat secara percuma:

- 1: Hospital Selayang — 2 dan 3 Julai
- 2: Hospital Tengku Ampuan Rahimah — 2 hingga 3 Julai
- 3: Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia — 2 hingga 3 Julai
- 4: Hospital Serdang — 9 hingga 10 Julai
- 5: Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) — 9 hingga 10 Julai
- 6: Hospital Kuala Lumpur (HKL) — 16 hingga 17 Julai
- 7: Hospital Sungai Buloh — 16 hingga 17 Julai